



**YAHAYA IBRAHIM** (duduk, tengah) dan para pegawainya bergambar bersama penerima Anugerah Kepimpinan Siswa 2014 UnisZA (barisan belakang) di Dewan Perdana UnisZA, Kuala Terengganu, semalam.

# UnisZA perluaskan khidmat kepada masyarakat setempat

**KUALA TERENGGANU 4 Nov.** - Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) akan digerakkan bagi memainkan peranan lebih berkesan sebagai sebuah Pusat Transformasi Komuniti (UKTC) yang menjadi rujukan umum dalam pelbagai bidang.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim berkata, UnisZA mempunyai pelbagai kemudahan termasuk tenaga pakar, perpus-takaan, klinik perubatan dan klinik undang-undang yang boleh dimanfaatkan oleh seluruh masyarakat dan bukannya sekadar untuk warga kampus.

"Tangkah itu akan menjadikan UnisZA lebih dikenali, lebih dekat, lebih mesra komuniti, bukannya sebagai kawasan larangan atau dihindungi tetapi terbuka dan seharusnya dikunjungi oleh semua lapisan masyarakat.

"Kami amat mengalu-alukan semua lapisan masyarakat sama ada pemimpin politik, pegawai kerajaan, swasta, pemain industri, pelajar, pertubuhan bukan kerajaan dan orang ramai tanpa rasa segan dan silu untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Malam Anugerah Kepimpinan Siswa 2014 UnisZA di Dewan Perdana UnisZA di sini, malam kelmarin. Yang turut hadir, Pengarah Bahagian Pembangunan Mahasiswa Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Ibrahim Ali dan

Sehubungan dengan itu, UnisZA sedang berusaha dan akan meningkatkan prasarana yang sedia ada untuk memenuhi pelbagai keperluan pelajar dan juga masyarakat keseluruhannya."

**DR. YAHAYA IBRAHIM**  
Naib Canselor UnisZA

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar.

Yahaya berkata, selain sebagai rujukan dan bimbingan, UnisZA juga bersedia untuk memberi latihan dan bimbingan terutama dalam bidang usahawan dan kerjaya di samping menawarkan perkhidmatan kemudahan yang boleh dimanfaatkan oleh seluruh masyarakat.

"Sehubungan dengan itu, UnisZA sedang berusaha dan akan meningkatkan prasarana yang sedia ada untuk memenuhi pelbagai keperluan pelajar dan juga masyarakat keseluruhannya," kata beliau.

Dalam perkembangan lain, UnisZA juga akan menawarkan pengajian kepada orang ramai yang sedang bekerja tetapi tidak berpeluang memasuki universiti atau menyambung pelajaran ke peringkat diploma hingga doktor falsafah (PhD) mulai awal tahun depan.

Katanya, sebagai permulaan tiga

kursus akan ditawarkan iaitu komunikasi, bahasa dan pengurusan dalam usaha membantu meningkatkan kerjaya masing-masing.

"Kursus-kursus yang ditawarkan itu akan diadakan pada setiap hari selepas waktu pejabat serta hujung minggu dan tawaran akan dibuka pada akhir tahun ini. Program yang ditawarkan itu akan diadakan di kampus utama Gong Badak dan kampus cawangan di Kuala Lumpur.

"Phak UnisZA juga bersedia melonggarkan sedikit syarat kemasukan berdasarkan pengalaman kerja dan latar belakang bagi memberi mereka peluang melanjutkan pelajaran," katanya.

Sementara itu Muhammad Syauqi Nadi, 22, pelajar FakuTi Undang-undang, Perakunan dan Hubungan Antarabangsa dipilih sebagai Anugerah Tokoh Siswa 2014. Beliau menerima wang tunai RM400, trofi dan sijil yang disampaikan oleh Naib Canselor.